

# HARI KEPUTERAAN

## Sultan Kelantan bersyukur diberi amanah sebagai Yang di-Pertuan Agong

→ Baginda harap negeri ditadbir, dibangun secara seimbang tanpa ketepi agama, ekonomi rakyat

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim**  
nfazlina@bh.com.my

✦ Kota Bharu

**S**ultan Kelantan, Sultan Muhammad V meluahkan rasa syukur kerana diberi amanah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15, bermula 13 Disember ini bagi tempoh lima tahun.

Sultan Muhammad V turut mengucapkan terima kasih atas sokongan dan doa berterusan dari semua pihak terutama rakyat Kelantan yang sentiasa mendoakan kesejahteraan baginda.

“Sepeninggalan beta nanti, adalah menjadi harapan agar negeri ini terus ditadbir dan dibangunkan secara seimbang dan makmur, selari dengan kemajuan zaman tanpa mengtepi agama serta sosioekonomi rakyat,” titah baginda.

Bertitah demikian pada majlis sambutan Hari Keputeraan Ke-47 baginda di Istana Balai Besar, di sini semalam, Sultan Kelantan juga melahirkan rasa sukacita apabila penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri ini

**Sultan Muhammad V berangkat meninggalkan majlis** dengan diiringi Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob selepas menyampaikan darjah kebesaran, pingat dan bintang sempena Hari Keputeraan baginda Ke-47 di Istana Balai Besar, Kota Bharu, semalam.

Info

### Sultan Muhammad V

→ **Sultan Muhammad V** adalah Sultan Kelantan ke-29, yang dimasyhurkan pada 13 September 2010.  
→ **Baginda dilantik** sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 13 Disember 2011, akan memulakan tanggungjawab sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 13 Disember 2016.



berjaya dimuktamadkan pada September lalu.

Baginda berharap penstrukturan semula itu akan membolehkan pelaksanaan pembangunan infrastruktur bekalan air yang lebih mapan dan holistik bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

#### Cabaran ekonomi global

Sultan Muhammad V turut meminta langkah sewajarnya diambil segera oleh semua pihak berkaitan bagi menghadapi cabaran ekonomi global

yang tidak menentu.

Titah baginda, pertubahan ekonomi global yang perlahan dengan unjuran sekitar 3.4 peratus tahun ini memberi kesan ketara kepada kebanyakan ekonomi dunia, termasuk Malaysia.

Sultan Kelantan bertitah, ia diburukkan lagi dengan perkembangan semasa politik di Amerika Syarikat (AS) sehingga menyebabkan peningkatan mendadak nilai mata wang Dollar AS.

“Bagi merencanakan pertumbuhan

ekonomi setempat, misi pelaburan dan perdagangan yang berfokus perlu dianjurkan dari semasa ke semasa untuk membuka ruang pelaburan yang lebih besar.

“Beta yakin kerajaan beta sudah bersedia mengharungi cabaran dengan perancangan yang teliti dan mapan, terutama dalam mengukuhkan sumber kewangan negeri dan menyuburkan ekonomi rakyat.

“Inisiatif berterusan menarik pelaburan luar adalah penting,” titah baginda.